

Maklumat untuk rakan dagang – perubahan pada sijil dan pengedap keselamatan

Kami sedang [menambah baik sistem persijilan kami](#) bagi semua produk pertanian yang dieksport.

Perubahan ini merangkumi:

- sijil eksport
- tandatangan pada sijil kesihatan
- pengedap fizikal bagi konsainan yang memerlukan pengedap keselamatan jabatan.

Pengakusaksian yang telah dirunding dan dipersetujui bagi kemasukan ke pasaran tidak akan berubah.

Sijil eksport

Perubahan pada sijil eksport akan dilakukan peringkat demi peringkat, mengikut komoditi. Aturan masanya bergantung pada waktu sesuatu komoditi itu ada dalam sistem dokumentasi eksport kami yang baharu, iaitu NEXDOC.

Semak [waktu komoditi ada dalam NEXDOC](#).

Perubahannya merangkumi:

- penggunaan nama *Australian Government* (Kerajaan Australia) — dan bukannya nama-nama jabatanseperti sebelum ini
- penggunaan gencana Kerajaan Australia
- penambahan kod Quick Reader (QR) yang unik untuk menyemak kesahihan perakuan pada masa sebenar
- penggunaan lampiran muka surat tambahan, jika perlu, untuk merakamkan lebih banyak maklumat yang tidak muat pada muka surat pertama sijil
- tandatangan secara faks/elektronik pada sesetengah sijil
- pencetakan sijil pada **kertas biasa** — jika dikeluarkan bersama kod QR.

Perubahan ini berkenaan dengan sijil bercetak sahaja. Persijilan elektronik (eCert) tidak akan diubah.

Penambahan kod Quick Reader (QR)

Sijil bercetak yang baharu akan memaparkan kod QR yang unik. Kod QR merupakan ciri keselamatan tambahan.

Pengguna boleh mengimbas kod QR ini untuk melihat gambaran keseluruhan sijil. Mereka boleh menggunakannya untuk mengesahkan butir-butir seperti:

- nombor sijil
- jenis produk
- kedudukan sijil pada masa ini
- pengeksporth
- penerima konsainan
- tarikh keluar.

Kod QR boleh dibaca menggunakan:

- apa-apa alat yang dilengkapi QR

atau

- aplikasi mudah alih pengimbas sijil jabatan ini yang boleh didapati secara percuma melalui Android Google Play Store dan Apple App Store.

Jika anda menggunakan pembaca kod QR yang umum, anda mesti memastikan bahawa URL itu dimiliki oleh Jabatan Pertanian Dan Sumber Air.

Tandatangan pada sijil kesihatan

Australia akan mengeluarkan tandatangan Ketua Pegawai Veterinar daripada semua sijil kesihatan bagi daging, tenusu, telur dan makanan laut.

Tandatangan itu akan digantikan dengan tandatangan pegawai veterinar kanan, ataupun tandatangan pegawai yang diberi kuasa, bergantung pada pengakusaksian sijil tersebut.

Tandatangan baharu ini akan ada pada sijil yang dikeluarkan oleh Australia mulai penghujung bulan Mei 2019.

Pengedap keselamatan pada kontena

Mulai 1 Ogos 2019, pengedap keselamatan Kerajaan Australia yang rasmi pada kontena eksport akan berubah rupa.

Perubahan ini berkenaan dengan konsainan yang memerlukan pengedap keselamatan jabatan sahaja.

Pengedap kontena semasa

Pengedap yang digunakan sekarang pada kontena mengandungi awalan 'A' sebelum nombor siri pengedap. Gambar yang berikut menunjukkan pengedap yang digunakan sekarang.



Pengedap baharu kontena

Pengedap baharu pada kontena tidak lagi mengandungi awalan 'A'. Gambar yang berikut menunjukkan pengedap baharu pada kontena.



Konsainan dalam transit yang dikedap sebelum 1 Ogos 2019 akan menggunakan pengedap semasa.

Arahan Kawalan Eksport (Barangan Yang Ditetapkan - Am) tahun 2005 mewajibkan nombor unik diletakkan pada selak dan pengedap yang boleh menunjukkan tanda-tanda diusik.

Ciri-ciri keselamatan pengedap masih akan:

- berupa selak ataupun jalur pengedap logam
- boleh menunjukkan tanda-tanda diusik
- membawa nombor unik
- mematuhi *ISO17712* Freight containers – mechanical seals (Kontena muatan - kedap mekanikal).

Pengemaskinian sistem dokumen ekspor

Kami akan menggantikan EXDOC dengan sistem *Next Export Documentation System* (Sistem Dokumentasi Ekspor Yang Seterusnya), atau singkatannya NEXDOC, yang baharu.

NEXDOC akan menjadikan sistem dokumentasi ekspor Australia lebih selamat dan responsif terhadap perubahan keadaan perdagangan. Ini merangkumi perubahan yang dimohon oleh negara pengimport.

NEXDOC tidak mengubah aturan persijilan kami yang digunakan sekarang mahupun kawal atur kami terhadap urusan ekspor.

Ketahui selanjutnya tentang [cara beralih kepada NEXDOC](#).

Hubungi

Kami berganding bahu dengan rakan-rakan dagang untuk memastikan peralihan yang lancar kepada sijil ekspor dan pengedap keselamatan yang baharu untuk mengurangkan sebarang gangguan perdagangan.

Jika anda ingin bertanya, memberikan komen atau berasa kluatir, sila hubungi exports@agriculture.gov.au